

**GARIS PANDUAN PENTAKSIRAN AKTIVITI
JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM
SEKOLAH MENENGAH
TINGKATAN 1 – 5 & CALON STAM
(PAJSK | SM)**

PENDAHULUAN

Kegiatan Kokurikulum Sekolah merangkumi tiga aktiviti utama iaitu **Kelab/Persatuan, Pasukan Badan Beruniform dan Sukan/Permainan**. Penyertaan dalam ketiga-tiga kegiatan ini merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti termaktub dalam **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997**, berkuatkuasa 1 Januari 1998 (**Akta Pendidikan 1996 – Seksyen 18 dan 30**). Kepentingan aktiviti ini juga setara dengan aktiviti kurikulum dalam bilik darjah kerana peranannya sebagai penyumbang dan pelengkap kepada pengajaran dan pembelajaran murid serta pembentukan modal insan (murid) secara menyeluruh yang meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

RASIONAL

Pentaksiran kegiatan kokurikulum yang dibuat oleh sekolah didapati berbeza-beza antara satu sama lain. Keadaan ini menjelaskan wujudnya unsur-unsur ketidaksamarataan dalam pemberian markah kepada murid. Kemungkinan ada murid memperoleh markah yang berbeza walaupun pencapaian dalam kegiatan kokurikulum adalah sama. Melalui pendekatan ini, penggunaan borang dan cara **pentaksiran** yang **standard** membolehkan unsur-unsur ketidakadilan dalam pemberian markah boleh dihindari.

OBJEKTIF

- Menyediakan satu kaedah pentaksiran aktiviti kokurikulum yang *standard* dan boleh diterima pakai oleh semua sekolah.
- Membantu Bahagian Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam membuat penilaian kemasukan murid-murid ke institusi tersebut.
- Membantu Jabatan Pengurusan, Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi dalam membuat penilaian kemasukan pelajar-pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/Universiti Awam (UA).
- Menggalak dan meningkatkan penglibatan yang menyeluruh dalam kalangan murid.

KAEDAH PENILAIAN

Bagi menentukan murid sentiasa cergas dan bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum, penilaian kokurikulum dilakukan pada setiap tahun sepanjang persekolahannya. Keputusan Pentaksiran akan dipersembahkan dalam bentuk **Prestasi Tahun Semasa (Grade Point Average)** dan **Himpunan Prestasi** sepanjang tempoh persekolahan (**Cumulative Grade Point Average**).

- a. Pentaksiran direkod secara dalam talian melalui laman sesawang <http://pajsk.moe.gov.my> berpandukan instrumen pentaksiran PAJSK.
- b. Murid Berkeperluan Khas dikecualikan menjalani Ujian SEGAK.
- c. Murid Tingkatan 5 yang berumur 18 tahun dikecualikan menjalani Ujian SEGAK.
- d. Murid Berkeperluan Khas / Sakit Kronik / Sakit Berpanjangan atau lain-lain alasan yang munasabah boleh dikecualikan daripada menjalankan aktiviti kokurikulum dan tidak akan ditaksir. Status murid ini ditanda sebagai TL (Tidak Laksana) dalam slip pelaporan kokurikulum.
- e. Bagi murid yang diberhentikan persekolahan, pentaksiran hingga tarikh akhir murid ini bersekolah sahaja diambil kira.
- f. Pihak sekolah perlu memuat turun slip PAJSK bagi semua murid yang ditaksir pada tahun semasa (kaedah penyimpanan slip yang dimuat turun boleh disimpan di dalam *google drive*, telegram atau email sekolah). Salinan slip PAJSK perlu diberikan kepada murid kelas peperiksaan (PMR, SPM, STPM, STAM) dan murid yang berpindah sekolah.
- g. Sekiranya terdapat pindaan markah bagi tahun sebelum, pihak sekolah perlu membuat permohonan rasmi secara bertulis dan disertakan bersama borang (RUMUS1-KP, RUMUS2-PBB, RUMUS3-SP, Borang Rumusan Ekstra Kurikulum) tahun yang hendak dipinda bersama salinan sijil / surat iringan sebagai bukti selewat-lewatnya pada bulan April.

**PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)
SEKOLAH MENENGAH
PANDUAN PEMARKAHAN**

1. FORMAT PAJSK

Terbahagi kepada tiga komponen

**JADUAL 1:
KOMPONEN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM
(PAJSK)**

BAHAGIAN	KOMPONEN
1	SEGAK
2	Kokurikulum: - Kelab Persatuan - Unit Beruniform - Sukan/Permainan
3	Ekstra Kurikulum

2. UJIAN SEGAK

SEGAK adalah satu set Ujian Standard Kecergasan Fizikal untuk mengukur tahap kecergasan fizikal murid berasaskan kesihatan. Komponen kecergasan yang diukur dalam SEGAK terkandung dalam **Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah dan Menengah**. Ujian ini hendaklah ditadbir oleh Guru Pendidikan Jasmani dan dilaksanakan dalam bulan **Mac** dan **Ogos**. Sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/2016: Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah bertarikh 17 Februari 2016.

3. KOKURIKULUM

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2005 telah memutuskan, setiap murid wajib mengikuti tiga aktiviti kokurikulum seperti berikut:

- i. Kelab/Persatuan
- ii. Pasukan Badan Beruniform; dan
- iii. Sukan/Permainan /1 Murid 1 Sukan

Mesyuarat juga menetapkan syarat merit 10 peratus markah kokurikulum bagi kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Universiti Awam (UA). Bagi tujuan pentaksiran hanya **dua markah tertinggi sahaja** yang diambil kira daripada tiga aspek utama yang melibatkan enam (6) elemen.

3.1 ASPEK PENTAKSIRAN

Pentaksiran Kokurikulum di sekolah meliputi tiga aspek utama seperti berikut:

- i. Penglibatan;
- ii. Penyertaan; dan
- iii. Prestasi.

Semua aktiviti yang disertai murid akan direkod bagi menggalakkan murid untuk mendapat skor yang setimpal bagi penglibatan dalam aktiviti berkenaan. Hanya **MARKAH YANG TERTINGGI** sahaja daripada setiap sub-komponen kokurikulum diambil kira untuk tujuan pentaksiran. Pentaksiran tersebut adalah berdasarkan enam (6) elemen seperti berikut:

**JADUAL 2:
ASPEK AKTIVITI KOKURIKULUM DAN SUKAN**

I. KELAB/PERSATUAN - 110 MARKAH					
Penglibatan (50 markah)				Penyertaan (40 markah)	Prestasi (20 markah)
Jawatan	Penyertaan	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20
II. PASUKAN BADAN BERUNIFORM - 110 MARKAH					
Penglibatan (50 markah)				Penyertaan (40 markah)	Prestasi (20 markah)
Jawatan	Penyertaan	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20
III. SUKAN/PERMAINAN - 110 MARKAH					
Penglibatan (50 markah)				Penyertaan (40 markah)	Prestasi (20 markah)
Jawatan	Penyertaan	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20

3.1.1 Jawatan Disandang (10 markah)

Markah diberikan kepada individu yang memegang sesuatu jawatan yang tertinggi dalam kegiatan kokurikulum **aktiviti utama** di sekolah (aktiviti tambahan tidak diberi markah bagi jawatan yang disandang). Sungguhpun begitu ahli-ahli biasa dan jawatan-jawatan yang lain juga diperuntukkan markah mengikut jenis jawatan yang disandang. Agihan markah seperti berikut:

**JADUAL 3:
SKOR BAGI ASPEK PENGLIBATAN - ELEMEN PERJAWATAN
DALAM KELAB/PERSATUAN DAN SUKAN/PERMAINAN**

ELEMEN JAWATAN Kelab/Persatuan & Sukan/Permainan	JAWATAN	SKOR
	Pengerusi / Kapten Pasukan / Ketua Rumah	10
	Naib Pengerusi / Penolong Ketua Rumah / Penolong Kapten / Setiausaha / Bendahari	8
	Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari / Ahli Jawatankuasa	6
	Ahli Aktif	4
	Ahli berdaftar	2

Catatan:

Bagi perjawatan dalam Kelab/Persatuan dan Sukan/Permainan, jawatan disandang sekurang-kurangnya tujuh (7) bulan secara berterusan dan diluluskan dalam Mesyuarat Agong

JADUAL 4:**SKOR BAGI ASPEK PENGLIBATAN ELEMEN PERJAWATAN
PASUKAN UNIT BERUNIFORM ANJURAN JABATAN/AGENSI KERAJAAN****JADUAL 4A
KADET REMAJA SEKOLAH**

PASUKAN	JAWATAN	SKOR
KADET REMAJA SEKOLAH	Pegawai Waran KRS I & II	10
	Staf Sarjan KRS	8
	Sarjan KRS	7
	Koperal KRS	6
	Lans Koperal KRS	5
	Ahli Aktif	4
	Ahli Biasa	2

**JADUAL 4B
PASUKAN KADET BERSATU MALAYSIA (PKBM)**

JAWATAN			SKOR
PKBM DARAT	PKBM LAUT	PKBM UDARA	
Waran II	Waran II	Waran II	10
Staf Sarjan	Bintara Kanan	Flight Sarjan	8
Sarjan	Bintara Muda	Sarjan Udara	7
Koperal	Laskar Kanan	Koperal udara	6
Lans Koperal	Laskar Muda	Lans Koperal	5
Ahli Aktif	Ahli Aktif	Ahli Aktif	4
Ahli Biasa	Ahli Biasa	Ahli Biasa	2

JADUAL 4C
KOR KADET POLIS, PASUKAN KADET BOMBA & PENYELAMAT
DAN KADET ANGKATAN PERTAHANAN AWAM

JAWATAN			SKOR
KOR KADET POLIS	KADEK JBPM	KADEK APM	
Sub Inspektor	Pegawai Kadet	Pegawai Kanan Kadet	10
Sarjan Mejar	Staff Sarjan	Pegawai Waran Kadet	8
Sarjan	Sarjan	Sarjan Kadet	7
Koperal	Koperal	Koperal Kadet	6
Lans Koperal	Lans Koperal	Lans Koperal Kadet	5
Ahli Aktif	Ahli Aktif	Ahli Aktif	4
Ahli Biasa	Ahli Biasa	Ahli Biasa	2

JADUAL 4D
KADEK KOREKSIONAL DAN KADEK JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

JAWATAN		SKOR
KADEK KOREKSIONAL	KADEK JPJ	
Inspektor Kadet Koreksional	Kadet Penolong Penguatkuasa JPJ	10
Sarjan Mejar Koreksional	Kadet Ketua Pembantu Penguatkuasa Tertinggi JPJ	8
Sarjan Koreksional	Kadet Ketua Pembantu Penguatkuasa JPJ	7
Koperal Koreksional	Kadet Pembantu Penguatkuasa JPJ	6
Lans Koperal Koreksional	Lans Koperal Koreksional	5
Ahli Aktif	Ahli Aktif	4
Ahli Biasa	Ahli Biasa	2

Catatan:

Kadet layak mendapat markah lebih tinggi daripada jawatan yang disandang sekiranya mereka telah lulus peperiksaan kenaikan pangkat jawatan tersebut.

**JADUAL 5:
SKOR BAGI ASPEK PENGLIBATAN ELEMEN PERJAWATAN
PASUKAN UNIT BERUNIFORM ANJURAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)**

**JADUAL 5A:
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA, PASUKAN PANDU PUTERI
MALAYSIA
DAN PERGERAKAN PUTERI ISLAM MALAYSIA**

JAWATAN			SKOR
PENGAKAP	PANDU PUTERI	PERGERAKAN PUTERI ISLAM	
Ketua Trup	Pengerusi	Mega Puteri	10
Penolong Ketua Trup	Naib Pengerusi	Puteri Megasari	8
Ketua Patrol	Setiausaha/ Bendahari	Puteri Bistaria	7
Penolong Ketua Patrol	Naib Setiausaha/ Naib Bendahari	Puteri Kejora	6
Quatermaster	Ahli Jawatankuasa	Puteri Saujana/ Ketua Pasukan	5
Ahli Aktif	Ahli Aktif	Ahli Aktif / Puteri Mestika/ Ketua Kumpulan	4
Ahli Biasa	Ahli Biasa	Ahli Biasa/ Ahli Berdaftar	2

**JADUAL 5B:
BULAN SABIT MERAH MALAYSIA, ST. JOHN AMBULAN MALAYSIA
DAN BRIGED PUTERA MALAYSIA**

JAWATAN			SKOR
BSSM	SJAM	BRIGED PUTERA	
Ketua Seksyen Utama/Pengerusi	Sarjan Dewasa/ Ketua Kadet	Sarjan Major	10
Penolong Ketua Seksyen/Timbangan Pengerusi	Koperal Dewasa / Sarjan Kadet	Sarjan	8
Ketua Platun	Lans Koperal Dewasa/ Koperal Kadet	Koperal	7
Penolong Ketua Platun	Lans Koperal Kadet	Lans Koperal	6
Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa	5
Ahli Aktif – Lulus Ujian First-Aid	Ahli Aktif (Lulus Kursus Pertolongan Cemas Asas)	Ahli Aktif	4
Ahli Biasa	Ahli Biasa	Ahli Biasa	2

**JADUAL 5C:
BRIGED PUTERI MALAYSIA, JOYFUL VANGUARD DAN RIMAP MALAYSIA**

JAWATAN			SKOR
BRIGED PUTERI	JOYFUL VANGUARD	RIMAP MALAYSIA	
Pengerusi	Pengerusi	Pengerusi	10
Naib Pengerusi	Naib Pengerusi	Naib Pengerusi	8
Setiausaha/ Bendahari	Setiausaha/ Bendahari	Setiausaha/ Bendahari	7
Penolong Setiausaha/ Bendahari	Penolong Setiausaha/ Bendahari	Penolong Setiausaha/ Bendahari	6
Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa	5
Ahli Aktif	Ahli Aktif	Ahli Aktif	4
Ahli Biasa	Ahli Biasa	Ahli Biasa	2

**JADUAL 5D:
PANCARAGAM BRASS (BRASS BAND)**

PASUKAN	JAWATAN	SKOR
PANCARAGAM BRASS (BRASS BAND)	Drum Major	10
	Ketua Seksyen	8
	Penolong Ketua Seksyen/	7
	Kuartermaster	6
	Ahli Jawatankuasa	5
	Ahli Aktif	4
	Ahli Biasa	2

Catatan:

Pemarkahan bagi Pasukan Badan Beruniform adalah mengikut pangkat yang disandang (sarjan/korporal) bukan mengikut jawatan di dalam pasukan badan beruniform.

JADUAL 6:

**SKOR BAGI ASPEK PENYERTAAN ELEMEN PERJAWATAN
PASUKAN UNIT BERUNIFORM DALAM ELEMEN SENI BELA DIRI**

	JAWATAN	SKOR
PBB (Seni Bela Diri)	Pengerusi / Bengkung Merah / Tali Pinggang Hitam	10
	Naib Pengerusi: Bengkung Hijau 3 dan Tali Pinggang Merah 2	8
	Setiausaha / Bendahari: Bengkung Hijau 2 dan Tali Pinggang Merah 1	7
	Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari: Bengkung Hijau 1, Tali Pinggang Biru 2	6
	Ahli Jawatankuasa: Cula 3 dan Tali Pinggang Biru 1	5
	Ahli Aktif: Class 3, Cula 2 dan Tali pinggang Hijau 1&2	4
	Ahli Biasa, Tali pinggang kuning 1 & 2	2

3.1.2. Peringkat Penglibatan (20 markah)

Markah diberikan kepada semua ahli berdasarkan sumbangan dan komitmen dalam semua aktiviti yang dijalankan dan tahap penyertaan yang disertai. Markah penglibatan bagi individu dan ahli pasukan atau pasukan adalah sama. Markah penglibatan dalam **aktiviti utama** dan **aktiviti tambahan** yang tertinggi direkodkan di dalam sistem dan markah tertinggi akan diambil kira bagi pemarkahan kokurikulum. Terdapat tiga jenis tahap penglibatan seperti keterangan berikut:

JADUAL 6: JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/ peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/ karnival/program pertandingan
PENGLIBATAN II	Penglibatan murid dalam aktiviti seperti: <ul style="list-style-type: none">- Jawatankuasa pelaksana- Petugas Teknikal- Persembahan selingan
PENGLIBATAN III	Penglibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

3.1.3 Pencapaian (20 markah)

Markah diberikan berdasarkan pencapaian murid dalam pertandingan yang dilaksanakan di semua peringkat. Pencapaian yang ditaksir hanyalah kepada kedudukan Johan, Naib Johan, ketiga, keempat dan kelima. Markah pencapaian dalam **aktiviti utama** dan **aktiviti tambahan** yang tertinggi direkodkan di dalam sistem dan markah tertinggi akan diambil kira bagi pemarkahan kokurikulum.

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4
Sekolah	0	0	0

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		Johan	N.Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	N.Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4

Catatan:

1. Kedudukan tempat keempat dan kelima terpakai bagi kategori individu sahaja bagi aktiviti sukan.
2. Untuk semua pertandingan peringkat kebangsaan perlu mengikut jadual pemarkahan yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, pemarkahan peringkat antarabangsa, pengiktirafan perlu merujuk kepada BSKK.
3. **Anugerah Emas, Perak, Gangsa dan lain-lain** yang diberikan di dalam program/pertandingan seperti program **STEM** dan **SENI** adalah tahap penguasaan murid dan **TIDAK DIKIRA** dalam pemarkahan bagi tahap pencapaian.

3.1.3. Komitmen (10 markah)

Komitmen dinilai atau ditaksir daripada 10 aspek dalam pengamatan, pemerhatian guru penasihat. Penumpuan pemerhatian guru meliputi aspek berkaitan kepimpinan, sikap dan kesungguhan seseorang murid semasa melaksanakan aktiviti. Guru Penasihat hanya boleh menandakan maksima empat (4) aspek daripada 10 pilihan yang diberi dengan wajaran markah seperti disenaraikan. Markah ini hanya diberikan kepada **aktiviti utama** sahaja.

JADUAL 8: SKOR ELEMEN KOMITMEN

ELEMEN	PERKARA	SKOR
KOMITMEN	Menunjukkan Kepimpinan	3
	Mengurus Aktiviti	3
	Membantu guru atau rakan	2
	Menyedia Peralatan	2
	Mengemas Peralatan	2
	Membersih Kawasan	2
	Menepati Waktu	2
	Menunjukkan Minat	2
	Menunjukkan Kesungguhan	2
	Mengikut Arahan	2
	Mencuba	2
	Memberi Kerjasama	2
	Mana-mana Nilai Murni Yang Boleh Diperhatikan	2

3.1.4. Khidmat Sumbangan (10 markah)

Dalam aspek ini markah diberikan kepada murid berdasarkan penglibatan dan sumbangan dalam aktiviti atau program **di peringkat sekolah**. Markah ini hanya diberikan kepada **aktiviti utama** sahaja. Empat aspek yang dinilai meliputi perkara-perkara seperti berikut:

JADUAL 9: SKOR ELEMEN KHIDMAT SUMBANGAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR
KHIDMAT SUMBANGAN (PERINGKAT SEKOLAH)	<u>ATLET/ PESERTA:</u> Murid yang didaftarkan sebagai atlet atau peserta program / pertandingan / Karnival / kursus	10
	<u>KEMAHIRAN KHUSUS</u> Melibatkan kemahiran khusus – berkaitan aspek teknikal (pengadil, jurulatih pasukan, dll yang berkaitan dengan aspek teknikal)	10
	<u>PERSEMBAHAN:</u> Penglibatan murid yang terlibat dalam aktiviti seperti persembahan selingan	8
	<u>SOKONGAN:</u> Membantu dari segi menjayakan aktiviti kelab persatuan sukan sekolah seperti mengambil bahagian dalam perbarisan atau persembahan, kumpulan sorak/ penyokong, dan yang berkaitan.	5

3.1.5. Kehadiran (40 markah)

Aspek kehadiran memberikan markah tertinggi dalam pentaksiran ini, dengan tujuan untuk menggalakkan murid hadir pada setiap perjumpaan yang ditetapkan. Bilangan perjumpaan hendaklah tidak kurang daripada dua belas (12) kali setahun. Setiap perjumpaan mengambil masa sekurang-kurangnya 3 jam. Ini bermakna bagi memperoleh markah penuh iaitu 40 markah setiap murid mestilah melengkapkan perjumpaan 36 jam setahun. Sifir kehadiran adalah seperti berikut:

Contoh:

Pasukan Badan Beruniform: 12 kali setahun X 3 jam = 36 jam

JADUAL 10A: SKOR ELEMEN KEHADIRAN

ELEMEN	BILANGAN	MARKAH	BILANGAN	MARKAH
KEHADIRAN	1	3.33	7	23.21
	2	6.66	8	26.64
	3	9.99	9	29.97
	4	13.32	10	33.30
	5	16.65	11	36.63
	6	19.98	12	40

Catatan:

*Kehadiran dalam kokurikulum dikira **HADIR** jika murid menyertai kegiatan kokurikulum yang lain dengan kelulusan sekolah.*

3.2. Ekstra Kurikulum (10 markah)

Ekstra kurikulum merupakan satu kegiatan sukarela yang bermanfaat pada atau di luar waktu persekolahan, ke arah pembentukan peribadi yang terpuji. Markah yang diperoleh daripada bidang ini akan dicampurkan dengan markah tertinggi purata **2 daripada 3 aktiviti** kokurikulum sama ada Kelab/Persatuan, Pasukan Badan Beruniform atau Sukan/Permainan. Hanya **markah tertinggi sahaja** yang diambil daripada salah satu **enam (6)** elemen seperti berikut:

3.2.1 Perkhidmatan

Elemen jawatan yang disandang oleh murid dalam kelab atau persatuan bukan kokurikulum yang melibatkan perkhidmatan bagi tujuan membantu pengurusan dan pentadbiran sekolah. Jawatan ini melibatkan perlantikan berdasarkan ciri-ciri kepimpinan seseorang individu. Huraianya seperti berikut:

JADUAL 13:
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN PERKHIDMATAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR
PERKHIDMATAN (Bukti Penglibatan: Sijil Pencapaian)	Ketua Murid	10
	Timbalan/Penolong Ketua Murid	8
	Pengurusan Utama yang ditubuhkan untuk membantu sekolah Pengawas/ Ketua Asrama / Ketua PRS /BADAR/ Pengerusi Badan-Badan Perkhidmatan Sekolah	7
	Penolong Ketua Asrama / Pengawas Pusat Sumber/ BADAR	6
	AJK Utama Badan-badan Perkhidmatan atau Pengurusan / Bendahari / Setiausaha / Ketua Biro - Asrama / PRS / BADAR/ Penerima sijil dan lencana SLAD / PROSTAR / Pegawai Koperasi/ / Ketua Kelas / Ketua Tingkatan /	5
	Ahli-ahli J/Kuasa Perkhidmatan dan Sokongan - AJK Kecil Biro / Ketua Bilik / Ketua Dorm/BADAR/ Penerima sijil SLAD / PROSTAR/ Penolong Ketua Kelas / Penolong Ketua Bilik	3

3.2.2. Anugerah Khas

Pemberian pengiktirafan oleh Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Kesatuan/Persatuan Sukan yang berkaitan aktiviti kokurikulum murid di dalam dan luar kawasan sekolah. Huraian markah seperti jadual berikut:

**JADUAL 14:
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN ANUGERAH KHAS**

ELEMEN	PERKARA	SKOR
ANUGERAH KHAS	1. Anugerah Remaja Perdana (ARP) anjuran Kemenerian Belia dan Sukan (KBS)	
	1.1. Emas	10
	1.2. Perak	7
	1.3. Gangsa	5
	2. Peserta Malaysia Future Leaders School (MFLS)	
	2.1. Tier 3	7
	2.2. Tier 2	4
	3. Anugerah Pengakap Raja/Pandu Puteri Raja/ Grand Prior/ Puteri Az Zahraa	
	3.1. Pengakap Raja	10
	3.1. Pandu Puteri Raja	10
	3.2. Puteri Az-Zahra - PPIM	10
	3.3. Grand Prior - SJAM	10
	4. Anugerah Khas Kokurikulum dan Sukan	
	4.1 Peringkat Kebangsaan	10
	4.2 Peringkat Negeri	8
	4.3 Peringkat Zon/Daerah/Bahagian	6
	4.4 Peringkat Sekolah	4
	5. Penyertaan Peringkat Antarabangsa Bukan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam Majlis-majlis Khas (anjuran KBS, Majlis daerah)	
	5.1. Emas	5
	5.2. Perak	4
	5.3. Gangsa	3
	6. Lain-lain Anugerah /Penghargaan Khas Yang Setara (dalam majlis khas anjuran badan-badan tertentu)	
	6.1 Peringkat Kebangsaan	10
	6.2 Peringkat Negeri	7
	6.3 Peringkat Zon/Daerah/Bahagian	5
	7. Penyertaan Murid Dalam Acara Sukan di Peringkat Tertinggi (murid mewakili negara bg sukan2 di peringkat tertinggi)	
	7. 1 Sukan Olimpik/ Sukan Komanwel/ Sukan Asia/ Sukan Asia Tenggara	10

3.2.3. Khidmat Masyarakat

Khidmat masyarakat ialah kerja-kerja kemasyarakatan yang dilaksanakan secara berkumpulan dan mempunyai matlamat serta tujuan tertentu. Program yang diiktiraf dalam pentaksiran markah kokurikulum adalah bersifat berdiri sendiri dan bukan lanjutan daripada aktiviti kokurikulum yang sedia ada. Aktiviti boleh dilaksanakan berdasar senarai atau secara berulang. Tempoh masanya sekurang-kurangnya 3 jam bagi satu markah. Guru perlu memilih 4 elemen sahaja. Skor bagi setiap aktiviti yang dijalankan adalah seperti jadual.

**JADUAL 15:
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN KHIDMAT MASYARAKAT**

ELEMEN	PERKARA	SKOR
KHIDMAT MASYARAKAT	1. Aktiviti Kejiranan/Komuniti	1
	2. Aktiviti Alam Sekitar	1
	3. Aktiviti Bencana Alam	1
	4. Aktiviti Khidmat Jabatan/Agensi	1
	5. Aktiviti Kebudayaan/Kesenian/Integrasi	1
	6. Aktiviti Kerohanian	1
	7. Aktiviti Insaniah	1

3.2.4. Nilam

Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) - satu program yang menggabungkan semua aktiviti galakan membaca yang diadakan di sekolah dengan memberi pengiktirafan. Pelaksanaan program ini meliputi penilaian pembacaan yang berterusan sepanjang tahun dan markah dikumpul secara kumulatif sehinggalah mereka tamat persekolahan. *Sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas, Kementerian Pelajaran Malaysia, Bil: 13/1998 bertarikh 22 Mei 1998.* :Huraian markah seperti berikut:

**JADUAL 16:
ANUGERAH NILAM – SEKOLAH MENENGAH**

SEKOLAH MENEGAH (PERALIHAN - TINGKATAN 5)	PENGIKTIRAFAN	Bilangan Buku	
	1 Bintang	120	239
	2 Bintang	240	359
	3 Bintang	360	479
	4 Bintang	480	599
	5 Bintang	600	ke atas

**JADUAL 17:
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN PROGRAM NILAM**

PERINGKAT	5 Bintang	4 Bintang	3 Bintang	2 Bintang	1 Bintang
Kebangsaan	10				
Negeri	9				
Daerah/ Zon/ Bahagian	8	7	6	5	4
Sekolah	7	6	5	4	3

3.2.5. TIMMS dan PISA

The Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) adalah ujian bagi menguji tahap penguasaan murid sekolah menengah terhadap subjek Sains dan Matematik. Manakala *Programme for International Student Assessment (PISA)* pula menguji keupayaan dan penguasaan murid berkaitan subjek Sains, Matematik dan kemahiran membaca khusus kepada murid-murid berumur 15 tahun ke bawah. Kedua-dua ujian ini diiktiraf sebagai aktiviti kokurikulum. Penyertaan dan pencapaian murid ditaksir sebagai markah ekstra kurikulum pada tahun semasa sahaja. Agihan markah adalah seperti berikut:

**JADUAL 18:
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN TIMMS DAN PISA**

BIDANG	PERKARA	SKOR
TIMMS DAN PISA	1. Penyertaan di peringkat Antarabangsa yang mencapai tahap cemerlang	10
	2. Penyertaan di peringkat antarabangsa	8
	3. Penyertaan di peringkat kebangsaan	6

3.2.6. Tugas-tugas Khas

Tugas-tugas Khas ialah tugas-tugas yang diberikan kepada murid dalam menjayakan program atau hari khas seperti sambutan hari Kebangsaan, sambutan hari Malaysia, hari Sukan Negara, Sukan SEA dan Sukan ASIA. Program yang diiktiraf dalam pentaksiran markah kokurikulum adalah bersifat berdiri sendiri dan bukan lanjutan daripada aktiviti kokurikulum yang sedia ada. Skor bagi setiap aktiviti yang dijalankan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 19:
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN TUGAS-TUGAS KHAS**

	PERKARA	SKOR
TUGAS-TUGAS KHAS	Peserta / Atlet Persembahan Padang, Perarakan, Perbarisan, Kejohanan sempena Sambutan Hari Kebangsaan peringkat Kebangsaan / Sukan SEA / Sukan ASIA / Bulan Sukan Negara peringkat Kebangsaan	7
	Peserta Persembahan Padang, Perarakan dan Perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan / Hari Sukan Negara peringkat Negeri	6
	Sukarelawan program sukan/kokurikulum/seni peringkat antarabangsa yang dianjurkan dalam negara	5
	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya peringkat antarabangsa yang dianjurkan dalam negara	3

4. PENGIKTIRAFAN PROGRAM

Pengiktirafan program diberikan kepada semua bahagian yang menganjurkan aktiviti kokurikulum di bawah Sektor Operasi Pendidikan, KPM. Walau bagaimanapun, bagi memberi ruang dan peluang yang lebih luas kepada semua, KPM juga memberi pengiktirafan kepada aktiviti yang dianjurkan oleh pihak lain. Untuk itu, kelulusan dan pengesahan program perlu diperolehi terlebih dahulu daripada **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian**. Senarai badan-badan yang terlibat dan contoh aktiviti adalah seperti berikut:

- 4.1. Badan Bukan Kerajaan (NGO):
Contoh: Jambori Antarabangsa Pengakap, anjuran Persekutuan Pengakap Malaysia,
- 4.2. Kerajaan Negeri:
Contoh: Larian 10K Bandaraya Ipoh, anjuran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;
- 4.3. Badan Berkanun;
Contoh: Pertandingan 'Drum Battle' dan 'Colour Guard' Pasukan Pancaragam, anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- 4.4. Badan Amanah;
Contoh: Programme Green Ranger Malaysia, anjuran Yayasan EMKAY
- 4.5. Syarikat Awam; dan
Contoh: Program Koperasi Sekolah, anjuran ANGKASA
- 4.6. Syarikat Swasta
Contoh: Kem Remaja TUTOR, anjuran Utusan Malaysia Sdn. Bhd.

Ringkasan pengiktirafan adalah seperti berikut:

Peringkat Antarabangsa

Bil.	Anjuran	Syarat
1.	Bahagian-bahagian KPM (Dalam Negara)	Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta (Dalam Negara)	Melibatkan sekurang-kurangnya 3 buah negara termasuk Malaysia 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan luar negara. (cth:jika jumlah penyertaan 100, 75: Malaysia 25: luar negara) Tiada implikasi kewangan kepada KPM/JPN/PPD/sekolah Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
3.	Jabatan Pendidikan Negeri (Dalam Negara)	Melibatkan sekurang-kurangnya 3 buah negara termasuk Malaysia 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan luar negara. (cth:jika jumlah penyertaan 100, 75: Malaysia 25: luar negara) Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM Bagi sekolah dan PPD yang ingin menganjurkan program, permohonan perlu di hantar melalui JPN masing-masing. (Termasuk sekolah-sekolah kawalan Bahagian)
4.	Bahagian-bahagian KPM / Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan / Sekolah (Luar Negara)	Mendapat kebenaran ke luar negara Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
5.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta (Luar Negara)	Mendapat kebenaran ke luar negara Tiada implikasi kewangan kepada KPM / JPN / PPD/ sekolah Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM

Peringkat Kebangsaan

Bil.	Anjuran	Syarat
1.	Bahagian-bahagian KPM	Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta	Melibatkan sekurang-kurangnya 3 buah Negeri termasuk Negeri tuan rumah; 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan negeri jemputan. (cth:jika jumlah penyertaan 100, 75: Selangor 25: kedah+perlis) Tiada implikasi kewangan kepada KPM/JPN/PPD/sekolah Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
3.	Jabatan Pendidikan Negeri	Melibatkan sekurang-kurangnya 3 buah Negeri termasuk Negeri tuan rumah. 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan negeri jemputan. (cth:jika jumlah penyertaan 100, 75: Selangor 25: kedah+perlis) Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM Bagi sekolah dan PPD yang ingin menganjurkan program, permohonan perlu di hantar melalui JPN masing-masing.
4.	<i>Catatan:</i> <i>Program yang telah dianjurkan oleh KPM atau Badan Induk tidak layak untuk dianjurkan semula pada tahun yang sama.</i> <i>Contoh:</i> <i>Jamboree Pengakap – telah dianjurkan oleh Ibu Pejabat Pengakap Malaysia</i>	

Peringkat Negeri

Bil.	Anjuran	Syarat
1.	Jabatan Pendidikan Negeri	Diluluskan oleh Pengarah JPN
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta	<p>Melibatkan sekurang-kurangnya 4 buah Daerah termasuk Daerah tuan rumah.</p> <p><i>Penglibatan semua jenis persekolahan dan pelbagai jenis kaum untuk menggalakkan perpaduan (termasuk sekolah swasta)</i></p> <p>25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan daerah bukan tuan rumah. (cth:jika jumlah penyertaan 100, 75: Hulu Langat 25: Gombak+Kuala Langat)</p> <p>Sekiranya Negeri yang tiada Daerah, sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah sekolah bagi negeri Perlis, Putrajaya, Labuan)</p> <p>Tiada implikasi kewangan kepada KPM/JPN/PPD/sekolah</p> <p>Diluluskan oleh Pengarah JPN</p>
3.	Pejabat Pendidikan Daerah	<p>Melibatkan sekurang-kurangnya 4 buah Daerah termasuk Daerah tuan rumah.</p> <p>25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan daerah bukan tuan rumah. (cth:jika jumlah penyertaan 100, 75: Hulu Langat 25: Gombak+Kuala Langat)</p> <p>Diluluskan oleh Pengarah JPN`</p>
<p><i>Catatan:</i></p> <p><i>Program yang telah dianjurkan oleh JPN tidak layak untuk dianjurkan semula pada tahun yang sama.</i></p> <p><i>Contoh: Perkhemahan Tahunan Pasukan Kadet Remaja Sekolah Peringkat Negeri</i></p>		

Peringkat Daerah

Bil.	Anjuran	Syarat
1.	Pejabat Pendidikan Daerah	Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta	Melibatkan sekurang-kurangnya 5 buah sekolah. Tiada implikasi kewangan kepada KPM/JPN/PPD/sekolah Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah
3.	Sekolah	Melibatkan sekurang-kurangnya 5 buah sekolah termasuk sekolah tuan rumah. Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah
	<i>Catatan:</i> <i>Program yang telah dianjurkan oleh PPD tidak layak untuk dianjurkan semula pada tahun yang sama.</i>	

5. CARA PENGIRAAN MARKAH

**JADUAL 20:
CONTOH CARA PENGIRAAN MARKAH KOKURIKULUM**

Komponen	Ting. 1	Ting. 2	Ting. 3	Penyataan PBS (Tingkatan 3)
Kelab/ Persatuan	55	64	86	Bagi tujuan pelaporan dua markah tertinggi dipilih
Pasukan Badan Beruniform	70	80	70	
Sukan/Permainan	58	60	59	
Ekstra Kurikulum	5	10	5	
MARKAH				
Markah purata dua aktiviti terbaik	$\frac{128}{2}$	$\frac{144}{2}$	$\frac{156}{2}$	Hanya CGPA tahun semasa dan markah 10% (Tingkatan 3) sahaja akan direkodkan di atas penyataan PBS-PAJSK
Markah Purata + Ekstra Kurikulum	64 + 5	72 + 10	78 + 5	
Markah Tahun Semasa (GPA)	69	82	83	
Markah Kumulatif Tahun Semasa (CGPA)	69	$\frac{(69 + 82)}{2} = 75.5$	$\frac{(75.5 + 83)}{2} = 79.25$	
Markah 10% kepada dua titik perpuluhan	6.90	7.52	7.93	

6. CARA PENGIRAAN, GPA, CGPA DAN 10% MARKAH KOKURIKULUM

Keputusan Pentaksiran akan dipersembahkan dalam bentuk Prestasi Tahun Semasa (GPA) dan Himpunan Prestasi Sepanjang Tempoh Persekolahan (CGPA). Contoh prestasi GPA dan CGPA murid dalam bidang Kokurikulum dalam tempoh persekolahan.

**Jadual 21:
PENGIRAAN PAJSK**

TAHUN	Tingkatan	Markah Kokurikulum	GPA	CGPA
2018	1	69	69	69.0
2019	2	82	82	75.5
2020	3	83	83	79.25

7. PERTUKARAN SKOR 110 MARKAH KEPADA 100 MARKAH

SKOR 110	100 MARKAH
1	0.91
2	1.82
3	2.73
4	3.64
5	4.55
6	5.45
7	6.36
8	7.27
9	8.18
10	9.09
11	10.00
12	10.91
13	11.82
14	12.73
15	13.64
16	14.55
17	15.45
18	16.36
19	17.27
20	18.18
21	19.09
22	20.00
23	20.91
24	21.82
25	22.73
26	23.64
27	24.55
28	25.45
29	26.36
30	27.27
31	28.18
32	29.09
33	30.00
34	30.91
35	31.82
36	32.73
37	33.64
38	34.55

SKOR 110	100 MARKAH
39	35.45
40	36.36
41	37.27
42	38.18
43	39.09
44	40.00
45	40.91
46	41.82
47	42.73
48	43.64
49	44.55
50	45.45
51	46.36
52	47.27
53	48.18
54	49.09
55	50.00
56	50.91
57	51.82
58	52.73
59	53.64
60	54.55
61	55.45
62	56.36
63	57.27
64	58.18
65	59.09
66	60.00
67	60.91
68	61.82
69	62.73
70	63.64
71	64.55
72	65.45
73	66.36
74	67.27
75	68.18
76	69.09

SKOR 110	100 MARKAH
77	70.00
78	70.91
79	71.82
80	72.73
81	73.64
82	74.55
83	75.45
84	76.36
85	77.27
86	78.18
87	79.09
88	80.00
89	80.91
90	81.82
91	82.73
92	83.64
93	84.55
94	85.45
95	86.36
96	87.27
97	88.18
98	89.09
99	90.00
100	90.91
101	91.82
102	92.73
103	93.64
104	94.55
105	95.45
106	96.36
107	97.27
108	98.18
109	99.09
110	100.00

8. GRED PENCAPAIAN

**Jadual 22:
GRED PENCAPAIAN**

GRED	MARKAH
A	Antara 80 hingga 100
B	Antara 60 hingga 79
C	Antara 40 hingga 59
D	Antara 20 hingga 39
E	19.9 dan kurang
TL	Tidak Laksana

9. HURAIAN GRED

BIL	JULAT SKOR RENDAH	JULAT SKOR TINGGI	TAHAP	PENYATAAN	GRED
1	80	100	Cemerlang	Syabas. Anda Seorang Yang Sangat Aktif, Komited Dan Menunjukkan Potensi Diri Yang Tinggi Dalam Aktiviti Yang Disertai. Anda Hendaklah Mengekalkan Kecemerlangan Prestasi Dan Mempertingkatkan Usaha Untuk Berjaya Dalam Bidang Yang Diceburi Dan Diminati. Semoga Kecemerlangan Ini Boleh Diteladani Oleh Yang Lain	A
2	60	79.9	Kepujian	Tahniah. Anda Merupakan Seorang Yang Aktif, Komited Dan Menunjukkan Minat Yang Memuaskan Dalam Aktiviti Yang Disertai. Anda Boleh	B

				Mempertingkatkan Potensi Diri Dan Prestasi Dalam Aktiviti Yang Diceburi Sekiranya Memberi Lebih Penumpuan Dalam Aktiviti Tersebut	
